

**PANDUAN PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI LUAR NEGARA  
BAGI PELAJAR**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1. PENDAHULUAN**

Tujuan peraturan ini diwujudkan adalah untuk membolehkan pelajar UTHM diberikan peluang menjalani latihan industri di luar negara dan ia tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur yang telah ditetapkan oleh universiti.

**2. DEFINISI LATIHAN INDUSTRI**

2.1 Latihan Industri (LI)

LI merujuk kepada kursus Hadir Wajib (HW) Universiti yang menempatkan pelajar di sesebuah organisasi sama ada di dalam atau di luar negara untuk menjalani latihan praktikal sebelum mereka dianugerahkan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda

**3. KELAYAKAN MEMOHON**

Kelayakan pemohon adalah:

- 3.1 Pelajar UTHM yang memperolehi CPA/PNGK 3.00 dan ke atas.
- 3.2 Memperolehi sekurang-kurangnya Band 3 dalam MUET atau mana-mana yang setara dengannya.
- 3.3 Tidak pernah dikenakan tindakan disiplin oleh universiti.

#### **4. PENDAFTARAN PERMOHONAN**

Pendaftaran permohonan untuk menjalani latihan industri di luar negara mengambil kira peraturan dan proses yang sama dengan latihan industri dalam negara. Walaupun begitu, terdapat perbezaan pendaftaran permohonan seperti dinyatakan di bawah:

##### **4.1 Pejabat Hubungan Universiti dan Industri (PHI)**

Penempatan melalui Organisasi Malaysia yang beroperasi di luar negara (Dengan kerjasama organisasi kerajaan dan swasta di luar negara).

#### **5. PROSES PERMOHONAN**

- 5.1 Permohonan menjalani latihan industri di luar negara perlu dibuat 6 hingga 12 bulan lebih awal sebelum tarikh latihan industri.
- 5.2 Pelajar boleh mendaftar dengan melengkapkan borang Permohonan Latihan Industri Luar Negara sepertimana di **Lampiran A** dan PHI akan memaklumkan penerimaan borang tersebut.
- 5.3 Selepas melepassi proses saringan, pelajar perlu menghadiri sesi temuduga pertama yang dikendalikan oleh PHI dan ia bergantung kepada negara yang dipilih oleh pelajar.
- 5.4 Pelajar yang berkelayakan perlu mendapat kelulusan daripada Naib Canselor UTHM.
- 5.5 Pelajar terpilih perlu menghantar surat pengesahan penerimaan menjalani latihan industri di luar negara melalui PHI.
- 5.6 Surat makluman ke Wisma Putra akan dihantar oleh PHI dan satu salinan surat akan dihantar ke Pejabat Antarabangsa UTHM.

- 5.7 Pelajar diwajibkan menghadiri taklimat lengkap tentang Latihan Industri Luar Negara yang dikendalikan oleh PHI.
- 5.8 Pelajar dikehendaki memohon VISA/Permit Kerja/ pasport antarabangsa dengan kerjasama agensi, PHI dan Pejabat Antarabangsa.
- 5.9 PHI akan mengeluarkan surat penempatan latihan industri dan surat lepas tanggung kepada pelajar.
- 5.10 Pelajar dikehendaki mendaftarkan diri di agensi latihan industri.
- 5.11 Carta alir proses permohonan dan penempatan latihan industri di luar negara ditunjukkan di **Lampiran B**.

## **6. TEMPOH LATIHAN INDUSTRI**

- 6.1 Latihan industri perlu dijalankan mengikut spesifikasi program yang telah ditawarkan.
- 6.2 Tempoh minimum latihan industri luar negara adalah sama dengan tempoh minimum latihan industri dalam negara.

## **7. KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN**

Sepanjang tempoh penempatan latihan industri, pelajar layak untuk menerima elaun, sekiranya diberi oleh pihak agensi luar Negara semasa menjalani latihan industri di luar negara.

## **8. PENYELIAAN**

- 8.1 Penyeliaan pelajar bagi latihan industri luar negara akan mengambil kira keadaan dan lokasi penempatan pelajar.

- 8.2 Lawatan penyeliaan menggunakan prosedur penyeliaan seperti yang terkandung di dalam Buku Panduan Latihan Industri.
- 8.3 Jika lawatan dan penyeliaan fizikal tidak dapat dibuat, kaedah penyeliaan secara atas talian (online), *teleconferencing* dan penyeliaan oleh pihak agensi akan dibuat.

## **9. PERATURAN**

- 9.1 Pelajar yang akan menjalani latihan industri luar negara adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan kaedah-kaedah serta panduan pelaksanaan yang dilaksanakan di bawah peraturan berkenaan.
- 9.2 Negara yang terlibat dengan peperangan dan tiada hubungan diplomatik termasuk Israel adalah tidak dibenarkan menjadi tempat untuk latihan industri.

## **10. INSURAN PERUBATAN / PERLINDUNGAN DIRI**

- 10.1 Pelajar yang terpilih digalakkan memiliki insuran perubatan/perlindungan diri tambahan untuk melindungi mereka daripada sebarang kecelakaan atau kemalangan semasa di luar negara.

## **11. PERBELANJAAN KEWANGAN**

- 11.1 Perbelanjaan bagi menjalani latihan industri di luar negara adalah ditanggung oleh pelajar. Pihak universiti hanya mengurus dan meluluskan permohonan penempatan dan dokumentasi sahaja.